

PEMBINAAN DAN KESAHAN INVENTORI KEBIJAKSANAAN EMOSI SOFIAN (IKESOFI)

Syed Sofian Syed Salim
sofian@fppm.upsi.edu.my
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
Mohammad Aziz Shah Mohd Arip
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
Muhammad Bazlan Mustafa
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
Mohd Hanafi Mohd Yasin
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membina dan memperoleh kesahan kandungan Inventori Kebijaksanaan Emosi Sofian (IKESofI). Kajian ini berbentuk kajian tinjauan dengan menggunakan soal selidik. IKESofI mengandungi 80 item yang terdiri daripada 60 item positif dan 20 item negatif yang terdiri daripada empat sub konstruk iaitu Mengenali Emosi Diri, Pengurusan Diri, Kecekapan Sosial dan Kemahiran sosial. Hasil kajian menunjukkan bahawa item-item dalam IKESofI dapat mengukur nilai kebijaksanaan emosi seseorang individu dengan tepat. Pengujian kesahan kandungan IKESofI dinilai oleh sepuluh orang pakar yang terdiri daripada tokoh akademik dan pengamal dalam bidang bimbingan dan kaunseling. Nilai kesahan kandungan bagi setiap sub skala ialah Sub Skala 1 - Mengenali Emosi Diri memperoleh nilai kesahan kandungan 88 %, Sub Skala 2 - Pengurusan Diri 86 %, Sub Skala 3 – Kecekapan Sosial 85 % dan Sub 4 – Kemahiran Sosial 88 %. Berdasarkan kesahan kandungan yang diperolehi, beberapa cadangan dikemukakan bagi penambahbaikan item.

Kata Kunci: *Pembinaan, Kesahan, Inventori Kebijaksanaan Emosi Sofian (IKESofI)*

Pengenalan

Kepentingan kebijaksanaan emosi (KE) memang tidak dapat dinafikan lagi dalam penentuan pencapaian seseorang untuk berjaya dalam semua aspek kehidupan. Banyak kajian membuktikan bahawa kejayaan seseorang lebih dipengaruhi oleh unsur-unsur KE seperti bermotivasi, berkeyakinan diri, bersosial, dapat menumpukan perhatian, mahu cemerlang, mempunyai pendorong yang kuat, belajar dan bekerja secara berkumpulan dan kemahiran berkomunikasi. Mengikut Goleman (1996) dalam bukunya "The Emotional Intelligence", penilaian seseorang individu bukan sahaja diasaskan kepada IQ, tetapi yang lebih penting ialah KE yang dimiliki oleh seseorang individu. Mengikutnya lagi IQ tidak menjanjikan kesejahteraan dan keharmonian diri dalam hubungannya dengan masyarakat. Malah menurut hasil kajiannya, KE dapat

memberikan kesan yang begitu mendalam dalam keseluruhan aspek kehidupan seseorang, termasuklah aspek kesihatan dan sosial.

Individu yang mempunyai kebijaksanaan emosi ialah individu yang sedar tentang emosi sendiri dan boleh mengawal reaksi emosi tersebut. Hal ini bermakna individu boleh mengawal perasaan tanpa kemarahan. Kebijaksanaan emosi juga bermakna menyedari emosi orang lain, dan boleh berinteraksi dengan mereka secara berkesan untuk mendapatkan hasil yang produktif.

Menurut Goleman (1996) KE adalah kebolehan untuk mengawasi emosi sendiri dan emosi pihak lain, dapat membezakan kebaikan, dan dapat menggunakan maklumat fikiran dan tindakan seseorang. Menurut Goleman (1996) KE juga adalah kebolehan seseorang untuk memahami perasaan sendiri dan menggunakannya untuk membuat keputusan yang berkesan dalam kehidupan seharian. Dengan mempunyai kebijaksanaan emosi yang tinggi, individu dapat mengawal rasa kecewa, sedih dan perasaan negatif orang lain dengan baik. Sekiranya seseorang menghadapi kesusahan, KE dapat membantu agar tetap bermotivasi dan optimistik untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

Murray (1998) telah menyatakan bahawa KE merupakan kebolehan untuk mengekang perasaan atau emosi negatif seperti marah dan ragu-ragu serta memfokuskan kepada perasaan positif seperti keyakinan diri. Selain itu terdapat empat kebolehan yang harus dimiliki untuk meningkatkan KE iaitu kebolehan untuk mengawal dorongan, emosi, berada dalam keadaan bermotivasi walaupun menghadapi kekecewaan dan berempati dengan orang lain. Secara ringkasnya, KE boleh ditakrifkan sebagai satu mekanisme atau keupayaan dalaman seseorang individu yang wujud untuk mengurus dan mengawal perasaannya.

Goleman (1998) menyatakan KE merupakan aspek yang penting dalam meramal dan menentukan kebahagiaan dan kejayaan seseorang individu baik di rumah, di tempat kerja dan sebagainya lagi. Malahan menurutnya lagi, 80 peratus kejayaan seseorang dibantu oleh KE. Sebaliknya kebijaksanaan intelektual hanya menyumbangkan 20 peratus sahaja atau mungkin kurang dari itu. Bagi beliau, kebijaksanaan emosi merupakan keupayaan seseorang dalam mengenali perasaan diri sendiri dan orang lain. Ia juga dapat memotivasi diri sendiri dan dapat juga mengelola emosi sendiri dengan baik dalam berinteraksi dengan orang lain di persekitarannya.

Model KE campuran yang diperkenalkan oleh Goleman menjadi panduan kepada pembinaan IKESofi ini. Hal ini kerana model KE campuran ini sangat sesuai untuk diaplikasikan kepada para pemimpin, pelajar, semua golongan pekerja baik golongan berpangkat tinggi mahupun yang berpangkat rendah, malahan boleh dan sesuai diaplikasikan kepada semua jenis pekerjaan. Boyatzis et al. (2000) berpendapat, model KE campuran Goleman ini boleh diaplikasikan kepada semua jenis individu, pekerjaan serta latar kehidupan

Model KE campuran Goleman ini mempunyai beberapa gugusan komponen yang mana ia memberi tumpuan kepada bakat dan kebolehan khusus manusia yang mana ini boleh meramal dan menentukan kejayaan seseorang. Melalui model KE Goleman ini, beliau seterusnya telah menghasilkan dua model utama iaitu model asal dan model yang telah diperbaharui. Namun kedua-dua model ini tidak banyak perbezaannya. Pada peringkat asal, modelnya telah dipecahkan kepada lima komponen. Apabila dirangka semula dan diperbaharui ia telah dikurangkan menjadi empat komponen sahaja. Namun begitu kedua-duanya tidak menampakkan perbezaan yang jelas. Selain itu model yang diperkenalkan oleh Goleman ini juga ada persamaan dengan model-model yang dikemukakan oleh Salovey dan Mayer (1990)

dan Bar-On (1997), yang mana Goleman telah melakukan beberapa penyesuaian dengan tujuan bagi memudahkan pemahaman.

Metod Kajian

Dalam kajian ini, data dianalisis secara deskriptif. Menurut Ary (2010), kajian deskriptif bertujuan untuk menentukan keadaan sebenar yang berlaku semasa sesuatu kajian itu dijalankan. Kelebihan kajian ini ia tidak memerlukan sebarang usaha untuk mengawal sesuatu pembolehubah dan sample. Selain itu pengkaji tidak perlu menentukan terlebih dahulu faktor-faktor yang mendatangkan kesan ke atas sesuatu peristiwa dan ia tidak bertujuan menguji hipotesis.

Selain itu kajian secara deskriptif ini juga mempunyai beberapa kelebihan seperti mudah dilaksanakan, tidak memerlukan kelompok kawalan dan rawatan, boleh memperoleh banyak informasi penting dengan mudah dan hasil penemuan yang diperolehi bergantung kepada pengkaji sama ada perlukan penelitian lanjut atau sebaliknya.

Kajian ini melibatkan tiga peringkat kajian iaitu;

Kajian Fasa 1: Kajian Kepustakaan Model Kebijaksanaan Emosi Campuran Baharu Goleman (MKEC(b)G), Konsruk dan Sub-Konstruk KE.

Kajian Fasa 2: Menguji kesahan Inventori Kebijaksanaan Emosi Sofian (IKESofii).

Kajian Fasa 3 : Menguji kebolehpercayaan Inventori Kebijaksanaan Emosi Sofian (IKESofii)

Kajian ini terdiri dari dua jenis sampel iaitu sampel kajian bagi menilai kesahan bahasa dan sampel kajian yang menjawab kesahan kandungan soalan.

Kesahan bahasa telah dinilai oleh tiga orang guru dari sebuah sekolah menengah dan empat orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP). Kesahan bahasa ini diadakan bertujuan untuk menilai item-item yang dibina ringkas, mudah difahami dan penggunaan bahasa yang tepat.

Bagi kesahan kandungan Inventori Kebijaksanaan Emosi Sofian (IKESofii), ahli panel adalah terdiri daripada 10 orang pakar terdiri daripada ahli-ahli akademik, pengamal dan tokoh-tokoh dalam KE di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan sekolah menengah.

DAPATAN KAJIAN

Jadual 1

Kesahan Kandungan Bagi Penilaian Setiap Pakar

| Pakar | Sub Skala Dan Peratusan Nilai (Nilai Kumulatif) | | | | Pandangan Pakar |
|-------|---|----------------|----------------|----------------|-----------------|
| | SUB SKALA 1 | SUB SKALA 2 | SUB SKALA 3 | SUB SKALA 4 | |
| | | | | | |

| | | | | | |
|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|----------|
| P1 | 93% (0.93) | 96% (0.96) | 96% (0.96) | 91% (0.91) | DITERIMA |
| P2 | 88% (0.88) | 88% (0.88) | 84% (0.84) | 89% (0.89) | DITERIMA |
| P3 | 81% (0.81) | 76% (0.76) | 78% (0.78) | 78% (0.79) | DITERIMA |
| P4 | 83% (0.83) | 90% (0.90) | 86% (0.86) | 90% (0.90) | DITERIMA |
| P5 | 95% (0.95) | 85% (0.85) | 84% (0.84) | 91% (0.91) | DITERIMA |
| P6 | 88% (0.8) | 89% (0.89) | 86% (0.86) | 94% (0.94) | DITERIMA |
| P7 | 86% (0.86) | 82% (0.82) | 82% (0.82) | 88% (0.88) | DITERIMA |
| P8 | 91% (0.91) | 81% (0.81) | 84% (0.84) | 81% (0.81) | DITERIMA |
| P9 | 88% (0.88) | 87% (0.87) | 80% (0.80) | 87% (0.87) | DITERIMA |
| P10 | 90% (0.90) | 87% (0.87) | 90% (0.90) | 90% (0.90) | DITERIMA |
| Jumlah | 88% (0.88) | 86% (0.86) | 85% (0.85) | 88% (0.88) | DITERIMA |

Jadual 2
Borang Kesahan Pakar Untuk Item IKESofi
Sub Skala 1: Mengenali Emosi Diri

| BI L | ITEM | P1 | P2 | P3 | P4 | P5 | P6 | P7 | P | P9 | P10 | KESAHAN |
|------|---|----|----|----|----|----|----|----|----|----|-----|---------------|
| 1. | Saya berasa simpati dengan musibah yang menimpa orang lain | 10 | 9 | 8 | 9 | 10 | 10 | 9 | 8 | 9 | 9 | 91% (0.91) |
| 2. | Saya sangat berterima kasih atas pertolongan orang lain | 10 | 9 | 8 | 9 | 8 | 9 | 7 | 8 | 9 | 9 | 86% (0.86) |
| 3. | Saya sentiasa merasionalkan pemikiran saya | 9 | 8 | 8 | 9 | 10 | 10 | 9 | 8 | 10 | 9 | 90% (0.90) |
| 4. | Saya rasa kecewa apabila tidak dapat menyiapkan sesuatu tugas dengan baik | 9 | 9 | 8 | 9 | 10 | 9 | 9 | 8 | 9 | 9 | 58% (0.58) |
| 5. | Saya sentiasa berfikiran positif bagi memotivasikan diri | 9 | 8 | 8 | 9 | 9 | 10 | 9 | 8 | 10 | 10 | 90% (0.90) |
| 6. | Saya takut menghadapi kegagalan | 9 | 8 | 8 | 10 | 9 | 10 | 8 | 7 | 9 | 10 | 88% (0.88) |
| 7. | Saya rasa bersalah apabila gagal menyempurnakan sesuatu tugas | 9 | 9 | 8 | 7 | 9 | 8 | 7 | 10 | 9 | 10 | 86% (0.86) |
| 8. | Saya sedia menerima teguran yang baik daripada sesiapa sahaja | 10 | 9 | 7 | 0 | 9 | 9 | 8 | 10 | 9 | 10 | 91% (0.91) |
| 9. | Saya redha dengan setiap kejadian yang terjadi ke atas diri saya | 10 | 9 | 8 | 7 | 10 | 9 | 9 | 10 | 10 | 9 | 91% (0.91) |
| 10. | Saya sabar dengan setiap dugaan yang menimpa saya | 10 | 9 | 8 | 8 | 10 | 10 | 9 | 10 | 10 | 8 | 92% (0.92) |

| | | | | | | | | | | | | |
|---|--|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|--------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|
| 11 | Saya mengambil teguran sebagai satu yang positif buat diri | 10 | 9 | 8 | 8 | 9 | 8 | 10 | 9 | 8 | 8 | 87% (0.87) |
| 12 | Saya sentiasa berusaha untuk memperbaiki diri saya ke arah yang lebih baik | 10 | 9 | 8 | 8 | 8 | 7 | 10 | 10 | 8 | 8 | 86% (0.86) |
| 13 | Saya bersyukur dengan apa yang saya miliki | 9 | 9 | 8 | 7 | 9 | 8 | 8 | 8 | 9 | 9 | 84% (0.84) |
| 14 | Saya lebih bersemangat apabila berjaya melakukan sesuatu kerja | 9 | 9 | 9 | 9 | 8 | 8 | 9 | 8 | 8 | 9 | 86% (0.86) |
| 15 | Saya amat mementingkan penampilan diri saya | 8 | 9 | 9 | 8 | 7 | 8 | 9 | 8 | 8 | 9 | 83% (0.83) |
| 16 | Saya malu apabila berhadapan dengan orang ramai | 9 | 8 | 9 | 8 | 10 | 9 | 8 | 8 | 8 | 8 | 85% (0.85) |
| 17 | Saya sedih apabila tidak dapat membantu orang lain yang memerlukan | 9 | 9 | 8 | 7 | 10 | 10 | 8 | 8 | 8 | 8 | 85% (0.85) |
| 18 | Saya mudah tertekan dengan beban kerja | 9 | 9 | 9 | 8 | 8 | 8 | 9 | 9 | 9 | 9 | 87% (0.87) |
| 19 | Saya sering cemas jika menghadapi masalah rumit | 8 | 9 | 8 | 8 | 9 | 8 | 8 | 9 | 8 | 9 | 84% (0.84) |
| 20 | Saya mudah marah terhadap sesuatu perkara yang sukar untuk dilakukan | 10 | 9 | 7 | 8 | 9 | 8 | 8 | 9 | 8 | 9 | 85% (0.85) |
| %KESAHAN Jumlah skor x100 Skor maksimum | | 93% (0.93) | 88% (0.88) | 81% (0.81) | 83% (0.83) | 95% (0.95) | 88% (0.8) | 86% (0.86) | 91% (0.91) | 88% (0.88) | 85% (0.85) | |

Jadual 3
Borang Kesahan Pakar Untuk Item IKESofi
Sub Skala 2 : Pengurusan Diri

| BIL | ITEM | P1 | P2 | P3 | P4 | P5 | P6 | P7 | P8 | P9 | P10 | KESAHAN |
|-----|--|----|----|----|----|----|----|----|----|----|-----|---------------|
| 21 | Saya gembira apabila prestasi kerjaya saya berkembang baik | 9 | 9 | 8 | 9 | 9 | 9 | 9 | 8 | 8 | 10 | 88% (0.88) |
| 22 | Saya dapat menenangkan diri apabila menghadapi kesulitan | 9 | 9 | 8 | 9 | 9 | 9 | 8 | 8 | 8 | 10 | 87% (0.87) |
| 23 | Saya tidak takut bekerja dalam tekanan | 9 | 9 | 8 | 8 | 9 | 9 | 8 | 7 | 9 | 9 | 85% (0.85) |
| 24 | Saya tidak marah apabila hasil kerja dikritik | 10 | 9 | 8 | 9 | 9 | 9 | 9 | 8 | 9 | 9 | 89% (0.89) |
| 25 | Saya dapat mengendalikan emosi saya dengan baik | 10 | 9 | 7 | 7 | 9 | 10 | 7 | 8 | 8 | 9 | 84% (0.84) |
| 26 | Saya tidak mudah putus asa apabila berhadapan dengan masalah yang sukar | 10 | 9 | 8 | 9 | 9 | 8 | 9 | 8 | 9 | 10 | 89% (0.89) |
| 27 | Saya berusaha menyelesaikan segala kesulitan yang saya dihadapi dalam melaksanakan tugas yang diberi | 9 | 8 | 8 | 9 | 8 | 9 | 9 | 7 | 9 | 8 | 84% (0.84) |
| 28 | Sekiranya berlaku penyelewengan, saya akan melaporkan kepada pihak yang sepatutnya | 9 | 8 | 8 | 9 | 9 | 9 | 8 | 7 | 8 | 9 | 84% (0.84) |
| 29 | Bagi saya, setiap kerja yang dilakukan mestilah mempunyai hasil yang berkualiti | 9 | 9 | 7 | 10 | 8 | 10 | 9 | 8 | 9 | 9 | 88% (0.88) |
| 30 | Saya tidak mudah menyalahkan orang lain atas kesilapan | 9 | 9 | 7 | 10 | 8 | 10 | 7 | 10 | 9 | 8 | 87% (0.87) |

| | | | | | | | | | | | | |
|---|--|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|
| | yang telah dilakukannya. | | | | | | | | | | | |
| 31 | Saya tidak kisah bekerja dengan orang baru dikenali | 8 | 9 | 8 | 9 | 9 | 9 | 9 | 8 | 9 | 8 | 86% (0.86) |
| 32 | Saya gembira sekiranya dapat bertukar pandangan dengan orang lain dalam urusan kerja | 8 | 9 | 9 | 9 | 8 | 9 | 7 | 7 | 9 | 7 | 82% (0.82) |
| 33 | Saya sentiasa berusaha merasionalkan kesilapan yang saya lakukan | 7 | 9 | 9 | 9 | 8 | 9 | 9 | 9 | 9 | 8 | 86% (0.86) |
| 34 | Saya seorang yang tidak mudah berputus asa | 9 | 8 | 8 | 9 | 7 | 9 | 7 | 10 | 9 | 8 | 84% (0.84) |
| 35 | Saya tidak gentar untuk melakukan kerja di luar bidang tugas saya | 9 | 9 | 7 | 8 | 9 | 8 | | | | | 83% (0.83) |
| 36* | Saya tidak kisah melakukan kesilapan terhadap tugas yang diberikan | | | | 10 | 9 | 8 | 9 | 7 | 9 | 8 | 86% (0.86) |
| 37* | Saya tidak suka mendengar pendapat orang lain | 9 | 9 | 8 | 10 | 7 | 10 | 8 | 7 | 8 | 9 | 85% (0.85) |
| 38* | Apabila berlaku penyelewengan, saya tidak akan melaporkan kepada sesiapa pun | 8 | 9 | 9 | 9 | 9 | 8 | 9 | 8 | 9 | 9 | 87% (0.87) |
| 39* | Saya memilih rakan sekerja saya | 8 | 9 | 8 | 9 | 7 | 7 | 7 | 10 | 9 | 8 | 82% (0.82) |
| 40* | Saya lebih memikirkan kuantiti daripada kualiti kerja | 9 | 8 | 8 | 9 | 9 | 9 | 9 | 8 | 9 | 8 | 86% (0.86) |
| %KESAHAN Jumlah skor x100 Skor maksimum | | 96% (0.96) | 88% (0.88) | 76% (0.76) | 90% (0.90) | 85% (0.85) | 89% (0.89) | 82% (0.82) | 81% (0.81) | 87% (0.87) | 87% (0.87) | |

Jadual 4
Borang Kesahan Pakar Untuk Item IKESofi
Sub Skala 3 : Kecekapan Sosial

| BIL | ITEM | P1 | P2 | P3 | P4 | P5 | P6 | P7 | P8 | P9 | P10 | KESAHAN |
|-----|--|----|----|----|----|----|----|----|----|----|-----|---------------|
| 41 | Saya empati terhadap kesusahan orang lain | 10 | 8 | 7 | 9 | 9 | 10 | 7 | 9 | 7 | 10 | 86% (0.86) |
| 42 | Saya dapat memotivasikan orang yang memerlukan | 10 | 9 | 8 | 9 | 9 | 10 | 7 | 9 | 8 | 10 | 89% (0.89) |
| 43 | Saya dapat merasai kesedihan orang lain | 9 | 9 | 8 | 10 | 8 | 9 | 7 | 9 | 8 | 9 | 86% (0.86) |
| 44 | Saya gembira melihat kejayaan orang lain | 9 | 9 | 8 | 10 | 8 | 9 | 9 | 9 | 8 | 9 | 88% (0.88) |
| 45 | Saya merasai kesusahan yang di alami oleh orang | 10 | 9 | 7 | 9 | 8 | 10 | 10 | 9 | 8 | 10 | 90% (0.90) |
| 46 | Saya berusaha menjaga hubungan dengan orang disekeliling | 9 | 9 | 8 | 8 | 8 | 8 | 8 | 9 | 8 | 8 | 83% (0.83) |
| 47 | Rakan sekerja merupakan inspirasi buat saya dalam melakukan sesuatu tugas | 10 | 9 | 8 | 9 | 7 | 8 | 7 | 9 | 7 | 8 | 82% (0.82) |
| 48 | Sekiranya menghadapi konflik dengan rakan, saya dapat menyelesaikannya | 10 | 9 | 8 | 8 | 8 | 9 | 8 | 9 | 8 | 9 | 86% (0.86) |
| 49 | Saya tidak suka untuk memperkatakan mengenai isu-isu yang melukakan hati rakan-rakan sekerja | 9 | 9 | 8 | 9 | 8 | 9 | 8 | 8 | 9 | 9 | 86% (0.86) |
| 50 | Saya dapat memberikan kerjasama yang baik dalam kumpulan sekerja | 9 | 9 | 8 | 8 | 8 | 9 | 9 | 7 | 8 | 9 | 84% (0.84) |

| | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|
| 51 | Saya merasa bertanggungjawab terhadap keluarga saya | 10 | 9 | 7 | 6 | 9 | 8 | 7 | 8 | 8 | 9 | 81% (0.81) |
| 52 | Sekiranya melakukan kesalahan saya akan memohon maaf | 10 | 8 | 8 | 9 | 9 | 7 | 9 | 8 | 8 | 9 | 85% (0.85) |
| 53 | Saya menjadikan keluarga sebagai kekuatan dalam kerjaya saya | 10 | 9 | 8 | 9 | 9 | 8 | 9 | 9 | 7 | 8 | 86% (0.86) |
| 54 | Bagi saya, kegagalan bukan penghalang untuk mencapai kejayaan | 10 | 8 | 9 | 8 | 8 | 8 | 9 | 7 | 8 | 8 | 83% (0.83) |
| 55 | Saya memastikan bahawa apa yang saya impikan tercapai | 9 | 8 | 7 | 9 | 9 | 8 | 7 | 8 | 9 | 10 | 84% (0.84) |
| 56* | Saya tidak peduli dengan kesusahan orang lain | 9 | 9 | 8 | 9 | 8 | 9 | 8 | 8 | 9 | 9 | 86% (0.86) |
| 57* | Saya merasakan tanggungjawab merupakan beban buat saya | 9 | 9 | 8 | 8 | 8 | 9 | 9 | 7 | 8 | 9 | 84% (0.84) |
| 58* | Saya tidak kisah jika orang tidak mahu berkawan dengan saya | 10 | 9 | 7 | 6 | 9 | 8 | 7 | 8 | 8 | 9 | 81% (0.81) |
| 59* | Saya tidak akan meminta maaf sekiranya melakukan kesilapan | 10 | 9 | 8 | 9 | 9 | 7 | 9 | 8 | 8 | 9 | 86% (0.86) |
| 60* | Sekiranya saya gagal, saya mahu orang lain juga gagal | 9 | 9 | 8 | 9 | 9 | 8 | 9 | 9 | 7 | 8 | 85% (0.85) |
| %KESAHAN Jumlah skor x100 Skor maksimum | | 96% (0.96) | 84% (0.84) | 78% (0.78) | 86% (0.86) | 84% (0.84) | 86% (0.86) | 82% (0.82) | 84% (0.84) | 80% (0.80) | 90% (0.90) | |

Jadual 5
Borang Kesahan Pakar Untuk Item IKESofi
Sub Skala 4 : Kemahiran Sosial

| BIL | ITEM | P1 | P2 | P3 | P4 | P5 | P6 | P7 | P8 | P9 | P10 | KESAHAN |
|-----|--|----|----|----|----|----|----|----|----|----|-----|---------------|
| 61 | Saya tidak keberatan memberi sumbangan kewangan kepada sesiapa yang memerlukan bantuan | 9 | 9 | 8 | 9 | 9 | 9 | 9 | 8 | 9 | 10 | 89% (0.89) |
| 62 | Saya tidak meminta pulangan setiap bantuan yang saya berikan | 9 | 9 | 8 | 8 | 8 | 8 | 9 | 8 | 9 | 10 | 86% (0.86) |
| 63 | Saya melihat tanggungjawab sebagai satu cabaran buat saya | 9 | 9 | 8 | 9 | 8 | 9 | 9 | 8 | 9 | 9 | 87% (0.87) |
| 64 | Saya berusaha memimpin pasukan kerja saya dengan baik | 10 | 9 | 8 | 10 | 9 | 10 | 9 | 8 | 9 | 10 | 92% (0.92) |
| 65 | Saya dapat mengendalikan pekerja dengan lebih bersestematik | 10 | 8 | 8 | 10 | 9 | 10 | 9 | 10 | 9 | 10 | 93% (0.93) |
| 66 | Saya merencanakan pengurusan yang terbaik dalam perkhidmatan saya | 9 | 9 | 8 | 9 | 9 | 9 | 7 | 7 | 9 | 8 | 84% (0.84) |
| 67 | Saya tidak pernah berendam dengan orang yang melakukan kesalahan terhadap saya | 10 | 9 | 8 | 10 | 9 | 10 | 7 | 9 | 9 | 8 | 89% (0.89) |
| 68 | Saya berusaha menyelesaikan masalah yang saya hadapi dengan rakan-rakan | 10 | 9 | 8 | 10 | 9 | 10 | 8 | 9 | 9 | 8 | 90% (0.90) |
| 69 | Saya yakin setiap kebaikan yang dilakukan memberi impak kepada hidup seseorang | 10 | 9 | 8 | 10 | 9 | 10 | 9 | 8 | 9 | 9 | 91% (0.91) |
| 70 | Saya percaya bahawa saya mampu mengubah seseorang ke arah kebaikan | 9 | 9 | 7 | 8 | 9 | 10 | 9 | 8 | 9 | 8 | 86% (0.86) |
| 71 | Saya sering menasihati rakan supaya berbuat baik | 10 | 9 | 8 | 9 | 9 | 10 | 9 | 7 | 9 | 10 | 90% (0.90) |
| 72 | Saya berusaha untuk menggunakan bahasa yang baik dalam bertutur kata | 10 | 8 | 7 | 8 | 9 | 10 | 9 | 8 | 9 | 10 | 88% (0.88) |
| 73 | Saya tidak suka mengambil kesempatan terhadap kebaikan orang lain | 10 | 9 | 8 | 9 | 8 | 7 | 9 | 8 | 6 | 8 | 82% (0.82) |
| 74 | Saya bersifat peka terhadap apa yang berlaku di sekeliling saya | 9 | 9 | 8 | 7 | 7 | 9 | 9 | 8 | 9 | 9 | 84% (0.84) |

| | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|
| 75 | Saya sentiasa berusaha memberikan pembaharuan idea apabila dalam kumpulan | 9 | 9 | 8 | 9 | 8 | 9 | 9 | 9 | 9 | 8 | 87% (0.87) |
| 76* | Saya tidak akan bertoleransi dengan pekerja saya | 10 | 9 | 8 | 10 | 9 | 10 | 9 | 8 | 9 | 8 | 90% (0.90) |
| 77* | Saya tidak kisah kebajikan orang lain | 10 | 9 | 7 | 8 | 9 | 10 | 9 | 8 | 9 | 8 | 87% (0.87) |
| 78* | Saya tidak berminat menasihati orang yang mempunyai masalah | 10 | 9 | 8 | 9 | 9 | 10 | 9 | 7 | 9 | 10 | 90% (0.90) |
| 79* | Saya suka mengambil kesempatan terhadap kebaikan orang lain | 10 | 9 | 7 | 8 | 9 | 10 | 9 | 8 | 9 | 10 | 89% (0.89) |
| 80* | Saya tidak kisah sekiranya tidak dapat mengurus pasukan kerja dengan baik | 9 | 9 | 8 | 9 | 8 | 7 | 9 | 8 | 6 | 8 | 81% (0.81) |
| %KESAHAN Jumlah skor x100 Skor maksimum | | 91% (0.91) | 89% (0.89) | 78% (0.79) | 90% (0.90) | 91% (0.91) | 94% (0.94) | 88% (0.88) | 81% (0.81) | 87% (0.87) | 90% (0.90) | |

Jadual di atas menunjukkan nilai kesahan kandungan yang diperoleh mempunyai nilai kesahan kandungan yang baik dan tinggi kerana melebihi 70%. Kebanyakannya memperoleh nilai kesahan kandungan sebanyak 70 % dan ke atas. Secara keseluruhannya nilai kesahan kandungan yang diperoleh adalah sebanyak 86.8 % bersamaan dengan nilai kumulatif 0.868

Berdasarkan Sidek (2005), sekiranya kesahan yang diperoleh mencapai 60% atau nilai kumulatif 0.60 dan ke atas maka inventori ini mempunyai kesahan kandungan yang tinggi. Menurut Abu Bakar (1995) pencapaian 70% atau nilai kumulatif 0.70 dianggap telah mencapai tahap pencapaian yang tinggi. Oleh itu, pandangan pakar mengenai kesahan kandungan kandungan IKESofi ini adalah tinggi. Secara keseluruhannya, kesahan kandungan yang diperoleh telah mencapai tahap 60% atau nilai kumulatif 0.60 ke atas berdasarkan penilaian yang telah dilakukan oleh sepuluh orang pakar yang mempunyai keilmuan dalam bidang kaunseling yang mana terdiri daripada pensyarah-pensyarah di Jabatan Bimbingan dan Kaunseling dan kaunselor-kaunselor di sekolah menengah dan sekolah rendah.

Perbincangan

Secara keseluruhannya kajian ini menumpukan kepada aspek kesahan IKESofi yang telah dijalankan dalam kalangan pakar-pakar dan pengamal dalam bidang bimbingan dan kaunseling. Soal selidik ini belum digunakan dalam Malaysia kerana belum mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang sah. IKESofi ini mengandungi empat subkonstruk utama iaitu Mengenal Emosi Diri, Pengurusan Diri, Kecekapan Sosial dan Kemahiran sosial. Proses pembentukan inventori ini melalui proses kesahan yang diubahsuai daripada Jamaludin (2002) dalam Ahmad Jazimin (2012). Bagi mengukur kesahan IKESofi ini, sebanyak 10 orang pakar penilai yang mengesahkan kandungan item tersebut. Selain itu, sebanyak enam orang pakar bahasa/muka telah melihat kesesuaian bahasa yang digunakan dalam inventori ini.

Kajian kesahan dijalankan untuk melihat sejauhmana inventori ini sah digunakan dalam konteks akademik. Bagi tujuan itu, kesahan muka dan kesahan kandungan telah dijalankan. Melalui kesahan muka, inventori ini telah dinilai oleh pakar-pakar bahasa. Manakala, bagi kesahan kandungan pula, seramai enam orang pakar dan pengamal psikologi dan kaunseling telah memberikan respons yang sebaiknya.

Soal selidik tersebut telah diberi skala likert 1 hingga 10 mewakili pengkatan sangat tidak setuju hingga sangat setuju. Kesahan ini dikira kesahan yang tinggi apabila majoriti skala pada tahap 7 hingga 10. Namun, terdapat beberapa item berada pada skala rendah iaitu pada skala 6. Secara amnya, para panel bersetuju bahawa item-item dalam IKESofi memenuhi kandungan yang telah ditetapkan. Komen daripada panel-panel tersebut telah dibaiki untuk membentuk item-item yang lebih mantap.

Dalam kajian ini, aspek kesahan oleh kesemua panel pakar merupakan aspek utama yang harus diteliti dan dikaji semula bagi membolehkan item-item yang dibina dapat dibuat penambahbaikan untuk kajian yang lebih dinamik. Kebanyakan penilai pakar memberi ulasan tentang item-item yang dibina mewakili sub konstruk dalam Teori Kebijaksanaan Emosi Model Campuran (Baru) Goleman. Pihak pakar memberikan pandangan melihat dan meneliti kembali item-item yang memberikan gambaran yang tidak jelas mengenai sub konstruk. Cadangan ini sangat berguna kepada pengkaji kerana sub konstruk yang digunakan adalah berkaitan dalam kehidupan seharian seseorang individu dan ianya bukan sekadar pandangan sahaja.

Kajian ini juga mengambil kira pandangan pakar bahawa item-item yang dibina mestilah berbentuk soalan-soalan yang pendek dan tidak terlalu banyak. Ini untuk membolehkan alat ukur ini lebih bersifat konsisten dan responden dapat menjawab dengan jujur.

Kesimpulan

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, hasil kajian menunjukkan nilai IKESofi ini mempunyai nilai kesahan yang baik dan secara tidak langsung inventori ini boleh diuji kepada masyarakat umum dalam pelbagai kategori seperti pelajar dan pekerja sama ada kakitangan awam mahupun swasta. Ini menjadi salah satu nilai tambah instrumen untuk mengukur KE pada semua peringkat individu di kementerian, jabatan dan institusi yang memerlukannya.

Rujukan

- Abu Bakar Nordin. (1995). Penilaian afektif. Kajang: MASA Enterprise.
- Ahmad Jazimin Jusoh (2012). Kesahan Dan Kebolehpercayaan Inventori Nilai Bitara. *Tesis diterbitkan.*
- Ary, D., Jacobs, L., & Sorensen, C. (2010). Introduction to research in education. Canada: Wadsworth Cengage Learning.
- Bar-On, R. (1997). The emotional Quotient Inventory (EQ-i): Technical manual. Toronto: Multi Health Systems.
- Boyatzis, R.E. Goleman, D. & Rhee, K.S. (2000). Clustering competence in emotional intelligence: insight from the emotional competence inventory. Dlm. Bar-On, R.

- & Parker, J.D. (pnyt.). *The Handbook of Emotional Intelligence*, hlm. 343-362. California: Jossey-Bass.
- Goleman, D. (1996). *Emotional intelligence: Why it can matter more than IQ*. New York: Bantam Books.
- Goleman, D. "What Makes a Leader". *Harvard Business Review*. 76, 6(Nov.-Dec. 1998): 93-102.
- Goleman, D. (1998). *Working With Emotional Intelligence*. New York: Bantam Books.
- Mohd Majid Konting. 1998. Kaedah penyelidikan pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Murray B. (1998). Does Emotional Intelligence Happen in Workplace? American Psychological Association.
- Salovey, P. & Mayer, J.D. (1990). Emotional Intelligence. *Imagination, Cognition and Personality* 9 : 185-211.
- Sidek Mohd Noah (2005). *Pengujian dan Penilaian Kaunseling – Teori dan Aplikasi*. Serdang: Ampang Press Sdn Bhd
- Sidek Mohd Noah dan Jamaluddin Ahmad (2005). *Pembinaan Modul: Bagaimana Membina Modul Latihan Dan Modul Akademik*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.